

# Negaraku hasil sentuhan Tunku

BH - 30/6/2007

## Bapa Kemerdekaan cukup cerewet proses gubah, rakam lagu kebangsaan

BERITA HARIAN

# 50

50 Tahun Mengisi Kemerdekaan

Oleh Hasliza Hassan

**"T**ERIMA kasih, tetapi semua saya tidak suka. Tak ada ciri kemelayuan, tak ada semangat menggambarkan pemikiran Melayu langsung." Itulah reaksi Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj selepas diperdengarkan kira-kira 50 lagu yang dikirimkan peserta Pertandingan Mencipta Lagu sempena sambutan kemerdekaan Malaya untuk meraikan tarikh keramat 31 Ogos 1957.

Walaupun asalnya Almarhum meminta dianjurkan pertandingan bagi memilih lagu terbaik untuk Tanah Melayu yang merdeka, pertandingan terbuka untuk rakyat tempatan dan seluruh dunia, yang diusahakan melalui Kementerian Luar itu, gagal menghasilkan seperti apa yang diinginkan.

Sebaliknya, apa yang berlaku, lagu kemerdekaan Tanah Melayu dipilih sendiri oleh Tunku dan turut memainkan peranan penting menghasilkan liriknya, yang kini menjadi kebanggaan rakyat Malaysia setiap kali lagu *Negaraku* diperdengarkan.

Bekas Ketua Pengarah Penyiaran, Tan Sri Dol Ramli, 85, yang menceritakan kisah di sebalik pemilihan lagu *Negaraku* sebagai lagu kebangsaan Tanah Melayu berkata, semuanya bermula enam bulan sebelum tarikh kemerdekaan.

Beliau yang ketika itu bertugas sebagai Ketua Bahasa Melayu di Radio Malaya diberitahu Pengarah Penyiaran Radio Malaya, AT Read bahawa Tunku ingin berjumpa.

"Saya pergi berjumpa Tunku dan Almarhum meminta saya menganjurkan pertandingan mencipta lagu untuk kemerdekaan Tanah Melayu. Saya tanya bagaimana nak buat. Tunku kata, ikut awaklah.

"Hadiah ditawarkan ialah RM50,000 dan ia

memang lumayan ketika itu. Publisiti pertandingan juga hingga ke seluruh dunia melalui Kementerian Luar," katanya.

Beliau berkata, Tunku juga memintanya menghasilkan contoh lagu Melayu untuk dijadikan panduan peserta luar negara yang berminat menyertai pertandingan supaya mereka tahu apa dimaksudkan lagu irama Melayu.

Bagi tujuan itu, Dol berbincang dengan Penyelia Muzik Radio Malaya ketika itu, Datuk Ahmad Merican yang kemudian menghasilkan pita demo mengandungi lagu *Damak*, *Seri Mersing* dan *Mas Merah*.

"Semua lagu diperdengarkan kepada Tunku dan apabila diminta membuat keputusan, tidak ada satu lagu pun berjaya memikat hatinya. Kemudian Tunku nyanyikan lagu *Terang Bulan*, yang menjadi lagu kebangsaan negeri Perak ketika itu. Kata Tunku, lagu itu sesuai dijadikan lagu kebangsaan Tanah Melayu," katanya.

Ketika lagu itu dimainkan Pengarah Muzik Band Polis Persekutuan, Deputy Superintendent Croft; Pengarah Muzik Askar Melayu, Kapten Lenthall; anak tempatan yang mahir menulis nota lagu, Alfonso Soliano dan A T Read, Tunku mahukan iramanya lebih bersemangat seperti lagu kebangsaan Britain, *God Save the Queen*.

AT Read akhirnya menggubah lagu itu mengikut irama 'march' dan bagi memantapkan lagi hasilnya, Tunku mahukan lagu itu dimainkan oleh sebuah orkestra yang besar. Maka, Pancaragam Polis Persekutuan diminta memainkan lagu berkenaan.

Dol berkata, untuk menyiapkan rakaman lagu *Negaraku* bukan mudah dan menguji kesabaran banyak pihak yang terbabit kerana kekurangan kemudahan termasuk tiada dewan besar yang boleh memuatkan Pancaragam Polis Kebangsaan.

Disebabkan itu juga katanya, pelbagai perkara lucu berlaku menyebabkan proses rakaman yang diadakan di Depot Polis Jalan Gurney (kini Jalan Semarak), Kuala Lumpur pada Julai 1957 yang sepatutnya boleh diselesaikan dalam masa satu hari, berpanjangan hingga tiga hari.

"Ketika hari pertama rakaman secara langsung di Depot Polis Jalan Gurney, ramai

### PROFIL

#### Tan Sri Dol Ramli

**Tarikh lahir:** 3 Oktober 1922

**Pendidikan:** Universiti Malaya (1951-1954), Raffles College Singapura (1941)

**Jawatan:** Berkhidmat di Radio Malaya Singapura (Oktober 1948).

– Ketua Bahasa Melayu Radio Malaya KL (1955 hingga bersara pada 1 Januari 1975).

– Pengurus Besar Bernama (1975 - 1980)

– Pengarah Kumpulan Perhubungan Awam dan Pengiklanan UMW Holdings (1980-1988).

**Pencapaian:** Memodenkan perkhidmatan penyiaran sehingga terbina Angkasapuri.

– Memperkenalkan bidang pengkhususan seperti drama, muzik, sukan, agama dan program bual bicara. Memperkenalkan TV Pendidikan dan menubuhkan orkestra RTM di Angkasapuri.

– Mencipta lagu Bahasa Jiwa Bangsa dan lagu tema Bulan Sabit Merah.

anak polis bermain di kawasan berdekatan dan apabila didengar semula hasil rakaman, suara anak polis riuh rendah turut kedengaran. Tunku meminta semua anak polis dihalang menghampiri kawasan rakaman.

"Pada hari kedua rakaman, Depot Polis yang turut menjadi laluan kapal terbang sebelum mendarat di Subang diganggu bunyi kapal terbang yang kebetulan lalu. Tunku arahkan supaya tiada penerbangan pada hari itu dan esoknya," katanya.

Bagaimanapun, katanya, berkat kesabaran dan semangat semua yang terbabit dan dengan sokongan kuat Tunku, akhirnya lagu *Negaraku* berjaya dirakamkan. Proses itu kemudian diikuti peringkat menghasilkan seni kata lagu yang ditulis sendiri oleh Tunku dengan bantuan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selepas rakaman diselesaikan, Tunku masih tidak berpuas hati kerana lagu *God Save the Queen* dimulakan dengan bunyi dram dan diakhiri bunyi sama. Beliau mahu *Negaraku*

memiliki elemen sama dan perlu ada ulangan korus seperti lagu *God Save the Queen*.

Sekali lagi *Negaraku* melalui proses perubahan dan selepas berpuas hati dengan hasilnya, *Negaraku* yang sehebat lagu *God Save the Queen* dinyanyikan penyanyi Jamaludin Alias. Namun, sekali lagi Dol dan Ahmad Merican dikejutkan dengan permintaan Tunku yang mahukan lagu itu dinyanyikan oleh koir.

Mengenang kembali detik itu, Ahmad Merican, 83, yang juga penerima anugerah Tokoh TV Festival Filem Malaysia ke-15 (FFM15), mengakui agak sukar untuk memenuhi permintaan Tunku kerana mana ada kumpulan koir ketika itu.

Jawapan Tunku apabila ditanya berhubung perkara itu ialah; "Ahmad, awak pergi gereja tiap-tiap minggu cari penyanyi koir."

Ahmad Merican mendapatkan bantuan Ketua Koir Gereja Serani, Tony Fonseka untuk membantu dan akhirnya terbentuklah kumpulan koir yang diberi nama Koir Merdeka dan dipimpin Fonseka sendiri.

Belum habis menghasilkan rakaman lagu *Negaraku* nyanyian koir, Tunku sekali lagi memanggil Dol dan Ahmad Merican dan kali ini beliau meminta mereka menghasilkan pita rakaman lagu kebangsaan pula.

Malah, dengan lancarnya, Tunku memberikan tajuk lagu yang perlu ada bagi diperdengarkan selepas laungan merdeka di Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka) supaya semangat merdeka terus hidup dalam sanubari rakyat.

Antara tajuk lagu yang diberikan ialah *Malaya Tanah Airku* ciptaan Johan Bahar, *Tanah Bangsa Berdaulat* (Zubir Said), *Tanah Melayu Permai* (Alfonso Soliano), *Kemegahan Negaraku* (Jimmy Boyle) dan *Bendera Malaya* (Tony Fonseka).

"Sebenarnya, Tunku berpandangan jauh dan sudah dapat bayangkan emosi yang bakal dicetuskan oleh lagu itu. Semua apa yang Tunku cadangkan memang tidak terlintas di fikiran kami.

"Bagaimanapun, kami bangga kerana tanpa latar belakang muzik, Tunku boleh bagi cadangan yang akhirnya berjaya menyentuh jiwa serta semangat cintakan negara kepada masyarakat ketika itu," katanya.


Ahmad Merican berkata, selepas Tunku berucap pada malam 30 Ogos di Padang Kelab Selangor, dan selepas jam besar Bangunan Sultan Abdul Samad berdetik 12 kali, bendera Union Jack diturunkan dengan iringan lagu *God Save the Queen*.

Kemudian Tunku melaungkan merdeka tiga kali dan *Negaraku* dimainkan mengiringi acara menaikkan bendera kebangsaan. Upacara itu menyentuh hati setiap rakyat membanjiri Padang Kelab Selangor termasuk kumpulan ahli kabinet menitiskan air mata.

Pada malam itu juga dibuat ulasan secara langsung melalui Radio Malaya oleh Hashim Amir Hamzah dan Dom Madzi yang berjaya menarik perhatian seluruh rakyat untuk menghayati serta memahami erti kemerdekaan. Semangat itu disemarakkan lagi dengan alunan lagu kebangsaan yang dipersembahkan pada malam itu.

Gembira dengan hasil yang diberikan Dol dan Ahmad Merican, kedua-dua mereka dihantar Tunku untuk mengikuti Seminar Penyiaran Antarabangsa Kemahiran Media di Universiti Boston, Amerika Syarikat.

**"Semua lagu diperdengarkan kepada Tunku, tetapi tidak ada satu lagu pun berjaya memikat hatinya. Kemudian Tunku nyanyikan lagu Terang Bulan, yang menjadi lagu kebangsaan Perak ketika itu. Kata Tunku, lagu itu sesuai untuk dijadikan lagu kebangsaan Tanah Melayu"**



AKRAB: Dol (kiri) bersama Raja Bhumibol Adulyadej ketika Raja Thailand itu melawat Tanah Melayu pada 1960. Turut serta Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (dua dari kanan) dan Tunku Abdul Rahman.

Dol Ramli

Bekas Ketua Pengarah Penyiaran